

Suasana hening, hiba semasa PM akhri ucapan dasar

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun – Hening, sayu dan hiba. Begitulah gambaran suasana ketika Presiden UMNO. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengakhiri ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini - yang terakhir sebelum bersara Oktober ini.

Kesejukan Dewan Merdeka baikan tidak terasa apabila lebih 2,000 perwakilan dan pemerhati menumpukan sepenuh perhatian kepada ucapan Dr. Mahathir yang menyentuh perasaan terutama dalam tempoh beberapa minit terakhir amanat yang akan sentiasa dikenang itu.

Raut wajah Perdana Menteri yang serius di awal ucapan, kelihatan berubah, menjadi semakin hiba apabila menyatakan bahawa ini adalah kali terakhir beliau dapat menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Agung UMNO.

Walaupun cuba menggagahi menahan sebak di dada, Dr. Mahathir gagal membendungnya dan terpaksa berhenti beberapa kali untuk meneguk air ketika meminta ampun dan maaf atas segala kesilapan dan kesalahannya sepanjang berkhidmat dengan UMNO.

“Saya juga pohon ampun dan maaf terhadap segala kesilapan (sebak) dan kesalahan saya sepanjang saya berkhidmat dalam parti yang bertuah ini,” ujarnya.

Ketika ini, kelihatan perwakilan dan pemerhati di dalam dewan mengesat air mata, manakala di luar dewan yang mengikuti siaran televisyen menerusi litar tertutup, ada yang tersedu-sedan sambil menitikkan air mata semasa mengikuti siaran langsung melalui televisyen.

Pemimpin yang telah mentadbir negara kira-kira 22 tahun ini akhirnya ‘tewas’ kepada perasaannya apabila menitikkan air mata ketika berdoa agar Allah memelihara orang Melayu.

Seluruh dewan senyap sunyi. Suasana begitu mengharukan. Sesekali terdengar esak tangis sambil ramai yang kelihatan mengesat air mata.

Dr. Mahathir memohon supaya orang Melayu dihindari daripada sifat-sifat keji, sebaliknya menjadi bangsa yang mulia dan berjaya serta mematuhi ajaran Islam supaya dapat dijadikan umat Islam contoh.

Dengan nada terharu dan tersekat-sekat, Dr. Mahathir yang

kelihatan begitu sedih, berjaya menghabiskan doanya itu.

Beliau kemudiannya menerima tepukan gemuruh daripada para perwakilan dan pemerhati yang turut sebak menerima realiti bahawa pemimpin yang mereka kasihi akan bersara.

“Saya pohon maaf jika saya mengambil masa yang panjang untuk menyampaikan ucapan ini. Saya hanya ingin menyumbang kepada parti yang telah memberi peluang yang banyak bagi saya merealisasikan segala idea yang ada pada saya bagi pemulihan maruah bangsa saya, memajukan sedikit bangsa saya dan negara saya.

“Sama ada berjaya atau tidak bukan untuk saya menilaikannya. Rakyat dan sejarah yang akan menghukum dan menilai baik atau buruk khidmat yang telah saya berikan,” kata Dr. Mahathir yang berkhidmat selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Beliau juga merakamkan penghargaan terhadap sokongan orang Melayu dan bumiputera serta rakyat Malaysia lain.

Ucapan dasar Dr. Mahathir yang menyentuh pelbagai isu

berkaitan orang Melayu dan cabaran-cabaran semasa negara mengambil masa kira-kira satu jam 33 minit.

Beliau memulakan ucapan pada pukul 10.17 pagi selepas Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob membentangkan kertas persidangan.

Sebelum itu, para perwakilan bertepuk tangan setiap kali Timbalan Pengerusi Tetap UMNO, Datuk Onn Ismail yang memperkerusi Perhimpunan Agung Tahunan kali ini dan Khalil menyebut nama Dr. Mahathir.

Para perwakilan juga memberi tumpuan penuh terhadap ucapan dasar Presiden parti dan memberi tepukan apabila Dr. Mahathir menyentuh isu-isu yang menarik perhatian mereka.

Mereka juga menyahut “ya” apabila Presiden berkata, mereka yang melakukan sabotaj terhadap parti tidak perlu berada di dalam UMNO.

Dr. Mahathir menyatakan beliau hanya mahu memberi sumbangan terhadap parti yang telah banyak memberi peluang untuk beliau merealisasikan segala idea bagi kemajuan bangsa dan negara.